

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 6 MAC 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
CAPAIAN : <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/248341>

### Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga dimuktamad tiga bulan lagi



KUALA LUMPUR - Kementerian Ekonomi akan memuktamadkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga untuk menterjemahkan Dasar Tenaga Negara kepada projek peralihan tenaga yang bakal diterajui syarikat besar, sederhana, dan kecil, dalam tempoh tiga bulan lagi.

Menterinya, Rafizi Ramli berkata, sasaran Malaysia untuk beralih dari tenaga sedia ada ke tenaga hijau merupakan agenda strategik yang mampu mencipta pekerjaan baharu yang bernilai tinggi, selain memenuhi tanggungjawab global negara untuk mengurangkan pelepasan gas rumah berkaca (GHG).

"Keperluan untuk mematuhi standard hijau sedunia semakin meningkat dan industri Malaysia harus memenuhi syarat dan piawaian hijau untuk kekal berdaya saing sebagai negara perdagangan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Susulan itu, katanya, Malaysia secara rasmi telah menyertai Asia Zero Emission Community (AZEC), blok tenaga yang terdiri dari Jepun, Australia, dan negara-negara ASEAN kecuali Myanmar.

"AZEC merupakan inisiatif baharu bagi memacu peralihan tenaga daripada sumber hidrokarbon kepada sumber tenaga bersih dan tenaga boleh baharu (TBB) serta aspirasi sifar bersih pelepasan GHG yang lebih signifikan.

"Konsep AZEC ketika ini adalah lebih bertumpu kepada kerjasama dan bukan instrumen perundangan yang mengikat," kata Rafizi.

Menurutnya, kerjasama yang dijalin melalui AZEC mampu membuka peluang kepada Malaysia untuk mempercepatkan pemindahan teknologi dan pembiayaan hijau supaya dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat negara.

Pada 4 Mac lepas Rafizi mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Peringkat Menteri AZEC 2023 di Tokyo, Jepun, yang turut disertai para pegawai daripada Kementerian Ekonomi, Kementerian Luar Negeri, Petroliaam Nasional Bhd dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. - Bernama